

A. Makluman

Kad Perjalanan Perniagaan APEC merupakan satu inisiatif Pertubuhan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dalam usaha untuk membantu ahli-ahli perniagaan yang sering berurusan dengan negara-negara APEC. Kad ini membantu menjimatkan masa dan kos ahli-ahli perniagaan di dalam memenuhi keperluan visa dan syarat-syarat masuk ke negara-negara APEC. Makluman permohonan akan dikongsi bersama dengan semua negara peserta untuk mendapatkan status "pre-clearance" visa sebelum kad dikeluarkan.

Kad ini membenarkan pintu-pintu masuk di dalam negara-negara terbabit untuk memberi kemudahan aliran keluar masuk. Kad ini secara tidak langsung mempromosikan jalinan perniagaan di antara negara-negara APEC. Untuk melayakkan permohonan untuk menggunakan Kad Perjalanan Perniagaan APEC, pemohon mestilah terlibat dengan urusan perniagaan di antara negara-negara APEC. Maklumat yang diberikan oleh pemohon di dalam borang ini akan diedarkan ke semua negara peserta bagi mendapatkan status "pre-clearance" visa. Keputusan atau kelulusan oleh negara-negara peserta akan disalurkan melalui Sistem ABTC.

B. Pemohon yang layak

1. Ahli-ahli Pentadbiran dan Pegawai Kerajaan dengan sokongan Kementerian / Jabatan berkenaan.
2. Ahli-ahli Perniagaan yang sering berurusan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara APEC dan diperakukan oleh:
 - a) Dewan Perniagaan dan Perindustrian atau Persatuan Pekilang-pekilang Peringkat Kebangsaan.
 - b) Persatuan Perniagaan dan Perindustrian seperti Persatuan Pendorong dan Pemaju Perumahan peringkat Kebangsaan.
 - c) Badan Ikhtisas bidang kejuruteraan atau perakaunan peringkat Kebangsaan.
 - d) Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan (seperti MITI, MIDA, SMIDEC dan MATRADE atau seumpamanya).
3. Pemohon tidak pernah terlibat dengan sebarang kegiatan jenayah.

PERINGATAN

1. Tanggungan (Isteri dan anak) kepada pemohon tidak layak memohon/ mendapatkan kemudahan ini.
2. Pemegang kad ini dilarang menggunakan kad ini bagi tujuan bekerja di negara luar.
3. Kad ini sah untuk tujuan perjalanan perniagaan sahaja.

C. Faedah-faedah menggunakan kad

1. Ia memberikan ahli-ahli perniagaan kemudahan yang sama dengan perjalanan tanpa visa ke negara-negara APEC melalui sistem "pre-clearance" visa yang mudah dan cepat.
2. Ia bukan sahaja memudahkan urusan pra-perjalanan tetapi juga memberikan laluan pantas kepada pemegang-pemegang di pintu-pintu masuk dan keluar melalui laluan khas APEC yang diadakan di lapangan terbang utama setiap negara peserta.

Untuk maklumat lanjut layari : www.imi.gov.my & untuk semak status permohonan Untuk pertanyaan hubungi : abtc@imi.gov.my atau 03 - 8880 1515

3. Pemegang kad masih diperlukan untuk membawa bersama pasport mereka dan masih tertakluk kepada lain-lain syarat, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di negara berkenaan.

C. Negara peserta yang menjadi ahli APEC

Kad Perjalanan Perniagaan APEC sah laku untuk perjalanan ke ; **Australia, Brunei Darussalam, Chile, China, Chinese Taipei, Filipina, Hong Kong, Indoneisa, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Singapura, Thailand dan Vietnam.**

Makluman : Sila maklum perkara berikut.

1. Kad APEC bagi pemohon akan dicetak setelah butir-butir keputusan negara-negara ahli diperolehi melalui Sistem ABTC.
2. Tidak semua negara ahli akan memberi kelulusan kepada setiap permohonan.

E. Dokumen-dokumen yang diperlukan

Pemohon Yang Bekerja Dalam Negara :

1. Borang Permohonan
2. Salinan Pasport Malaysia (sahlaku lebih dari 3 tahun)
3. Surat Sokongan (Rujuk: kepada Pemohon Yang Layak)
4. Surat Permohonan dari Majikan (Nyatakan nama pemohon, no. pasport, jawatan, alasan untuk permohonan kad APEC & sokongan daripada majikan.)
5. Borang 49 (Borang Pendaftaran Syarikat) - Jika berkenaan
6. Gambar terbaru berukuran pasport - 1 keping (Latar belakang biru)

Pemohon Yang Bekerja Di Luar Negara :

1. Borang Permohonan
2. Salinan Pasport Malaysia (Sahlaku lebih dari 3 tahun)
3. Salinan Permit Kerja / PR
4. Surat Permohonan dari Majikan (Nyatakan nama pemohon, no. pasport, jawatan, alasan untuk permohonan kad APEC & sokongan daripada majikan.)
5. Borang Pendaftaran Syarikat - Jika berkenaan
6. Gambar terbaru berukuran pasport - 1 keping (Latar belakang biru)

Pembaharuan Kad Perjalanan Perniagaan APEC :

1. Kemukakan dokumen seperti permohonan asal
2. Kemukakan permohonan ini 6 bulan sebelum tarikh tamat kad APEC.

Kemaskini Pasport Baru :

1. Salinan pasport baru dan nyatakan nama penuh dan nombor permohonan.

Serahkan / Kirimkan permohonan yang lengkap kepada:

Jabatan Imigresen Malaysia
Pengarah Bahagian Visa, Pas dan Permit
Unit Kad Perjalanan Perniagaan APEC
Tingkat 3 (PODIUM), Blok 2G4, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62550 PUTRAJAYA
UIP : Unit APEC

Peringatan:

Sekiranya borang ini tidak diisi dengan lengkap, borang ini akan dikembalikan dan jika didapati anda telah memberi maklumat yang salah, **JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA** akan membatalkan permohonan anda.

Anda layari : www.businessmobility.org/key/MalaysiaCardStatus.asp